



KONSEP *HIFZ AL-'AQL* DALAM AKTIVITI PELANCONGAN: SATU KAJIAN AWAL

Maqasid
Syariah

CONCEPT OF *HIFZ AL-'AQL* IN TOURISM ACTIVITIES: AN OVERVIEW

73

NOR AZLINA ABD WAHAB (Corresponding Author)
NORAFIFAH AB HAMID, NORAJILA CHE MAN,
SITI NURUL IZZA HASHIM

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (Melaka)
azlina406@uitm.edu.my, norafifah@uitm.edu.my,
norajila@uitm.edu.my, applemerah8807@gmail.com

Submitted: 26 June 2019
Revised: 12 August 2019
Accepted: 30 October 2019
E-Published: 31 October 2019

ABSTRAK

Menjaga akal dan pemikiran merupakan salah satu daripada matlamat syariah. Melalui keistimewaan ini manusia diberikan status sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi bersesuaian dengan ketentuan dan perintah Allah SWT. Melaluinya manusia dapat mengeksploitasi segala anugerah alam untuk kesejahteraan manusia. Bersesuaian dengan tujuan ini dan agar akal dapat berfungsi dengan sewajarnya. Maka menjaga akal dan pemikiran ini juga boleh dilaksanakan melalui aktiviti pelancongan, kerana ianya merupakan sebahagian daripada rutin kehidupan manusia yang sentiasa ingin merasai ketenangan, keseronokan dan kebahagiaan. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang konsep *Hifz al-'Aql* yang boleh dilaksanakan melalui aktiviti pelancongan menurut Islam. Metod penulisan ini adalah berdasarkan kepada rujukan dan penelitian terhadap dokumen-dokumen dari pelbagai sumber seperti artikel, jurnal, buku, brosur dan kajian-kajian imperikal. Penelitian terhadap sumber primer dan sekunder ini akan dilakukan bagi mendapat maklumat berkaitan konsep *hifz al-'Aql*, pelancongan menurut perspektif Islam serta penerapan *Hifz al-'Aql* dalam aktiviti pelancongan. Kajian mendapati agama Islam sangat menggalakkan aktiviti pelancongan dalam memenuhi keperluan fitrah semulajadi manusia dan pada masa yang sama aktiviti tersebut perlulah berlandaskan tuntutan syarak serta memenuhi konsep *Hifz al-'Aql* sebagaimana mana yang digariskan dalam ajaran Islam. Sehubungan itu dapat difahami bahawa Islam telah menggariskan panduan bagi memastikan aktiviti pelancongan selari dengan kehendak syarak dan dalam masa yang sama konsep *Hifz al-'Aql* dapat diperlihara, serta menepati makna ibadah dalam aktiviti tersebut.

Keywords: *Hifz al-'Aql*, Aktiviti, Pelancongan





ABSTRACT

Preservation of the mind and intellect is one of the objectives of syariah. With this great gift, human beings are granted the status of vicegerent who is responsible for the prosperity on earth per the fate and orders from Allah SWT. It enables human beings to exploit nature's treasures for their well-being. Thus, preserving minds and intellect can also be implemented through tourism activities because it forms part of human life routines that constantly seek for peacefulness, enjoyment and happiness. This paperwork discusses the concept of *Hifz al-'Aql* that can be attained through Islamic tourism activities. The methodology used for this study is based on references and research on various sources such as articles, journals, books, brochures and empirical studies. Research on these primary and secondary sources is done to obtain information on the concept of *hifz al-'Aql*, tourism from the Islamic perspectives as well as the practice of *Hifz al-'Aql* in tourism activities. It is found that Islam promotes tourism activities in fulfilling the human desire and the tourism activities must be carried out according to the Islamic guidelines and fulfill the concept of *Hifz al-'Aql* as stipulated by the teachings of Islam. Concerning this, it is understood that Islam has outlined a clear guideline in ensuring tourism activities conforms to the Islamic requirements, whilst preserving the concept of *Hifz al-'Aql* as well as addressing the meaning of ibadah in those activities.

Keywords: *Hifz al-'Aql*, Activities, Tourism

PENDAHULUAN

Akal memainkan peranan penting dalam membina kekuatan diri. Islam menggalakkan penggunaan akal, namun bukan akal secara mutlak dan bersendirian sebaliknya akal yang dipandu dengan panduan agama dan syariat. Islam menggalakkan penganutnya menggunakan akal dalam memikirkan tanda kebesaran Allah SWT (Ismail, 2015). Antaranya melalui aktiviti pelancongan. Ini kerana aktiviti pelancongan merupakan sebahagian daripada rutin kehidupan manusia yang sentiasa ingin merasai ketenangan, keseronokan dan kebahagiaan, serta dapat melihat keindahan ciptaan Allah SWT. Dalam al-Quran terdapat surah yang secara jelas menggalakkan aktiviti melancong, dan dalam masa yang sama dapat memelihara akal. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad), mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang-orang yang berdosa itu.

(al-Naml, 27:69)

Berdasarkan saranan tersebut, maka Islam sentiasa menggalakkan umatnya melancong untuk memerhati dan menikmati keindahan alam dan juga memikirkan tentang kekuasaan Allah SWT serta melakukan pencerapan bagi memenuhi keperluan hidup serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini. Justeru itu orang yang serius dalam menggunakan akalnya itu akan menghampiri kebenaran.



Penggunaan akal tidak boleh dipisahkan daripada agama, tetapi akal perlu bergerak seiring agama (Ismail, 2015).

KONSEP PELANCONGAN ISLAM

Pelancongan Islam semakin mendapat perhatian serius dalam kalangan sarjana. Tambahan pula, pelancongan Islam sering dikaitkan dengan pelancongan budaya, keagamaan dan spiritual. Namun begitu, konsep pelancongan Islam dilihat masih samar kerana tidak terdapat satu pengertian yang khusus menerangkan konsep tersebut (Duman, 2011). Hassan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Asyraf Zaki (2010), berpendapat terdapat beberapa istilah yang berkaitan dengan pelancongan Islam iaitu *musafir*, *ziarah*, *rehlah*, *siyahah*, *umrah* dan *Haji*. Istilah-istilah ini merupakan satu gesaan dan galakan kepada manusia yang tercatat di dalam al-Quran (Asmak & Fatimah, 2010)

Menurut Shakiri (2006), pelancongan Islam tidak hanya terhad kepada motivasi agama tetapi meliputi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam seperti zina, hiburan yang berlebihan, dan meninggalkan solat. Tambahan pula, pelancongan Islam perlu meletakkan pertimbangan agama sebagai satu kepentingan. Selain itu, pelancongan Islam dilihat sebagai salah satu aktiviti yang dilakukan secara sengaja dengan tujuan menghargai keindahan ciptaan tuhan dan merupakan hadiah paling besar dari Allah SWT (Din, 1989). Bahkan, Islam amat menggalakkan umatnya untuk mengembara bagi membolehkan mereka menghargai ciptaan Allah SWT, mengeratkan silaturrahim dan menimba ilmu seperti yang telah termaktub di dalam al-Quran yang bermaksud:

Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru.

(Al-Ankabut, 29:20)

Selain itu, pelancongan Islam bukan hanya khusus untuk masyarakat Islam tetapi meliputi masyarakat bukan Islam yang didorong untuk mengembara ke negara-negara Islam (Siti Zubaidah Ramli et al, 2016). Tambahan pula, konsep pelancongan Islam lebih bercirikan ekonomi, budaya dan keagamaan. Dari segi konsep ekonomi, pelancongan Islam dilihat sebagai medium yang mampu menjalin kerjasama erat di antara institusi kerajaan seluruh dunia. Di samping itu, pelancongan Islam mampu meningkatkan aktiviti pelancongan sesama umat Islam serta menyumbang kepada kewujudan destinasi produk pelancongan baru. Manakala dari konsep budaya, pelancongan Islam dapat membantu memelihara dan memulihara produk warisan Islam yang semakin dilupakan dengan mewujudkan produk pelancongan baru yang bertemakan ciri-ciri keislaman.

Pelancongan Islam berkonsepkan keagamaan adalah bercirikan ajaran Islam seperti larangan kepada alkohol, memelihara solat lima waktu dan mendapatkan makanan halal sepanjang percutian. Oleh yang demikian, budaya kehidupan masyarakat Islam



dapat diketengahkan dengan wujudnya pelancongan Islam (Al-Harmaneh, 2012). Sejarah pelancongan Islam bermula ketika umat Islam melakukan perjalanan ke Mekah bagi menunaikan haji atau umrah selaras dengan tuntutan rukun Islam yang kelima.

Dewasa ini, pelancongan Islam mula bergerak dari satu dimensi yang berbeza dengan penganjuran festival, forum dan persidangan antarabangsa. Keadaan ini memberikan satu platform yang baik bagi masyarakat Islam dan bukan Islam kerana pertemuan tersebut membolehkan mereka berkongsi idea, profesionalisme, intelektual, kepakaran serta pengetahuan berkaitan Islam (Rosmawati Mohamad Rasit et.al, 2014).

Jika diteliti, pelancongan Islam pada asasnya tidak begitu ketara dengan pelancongan komersial yang dijalankan pada hari ini. Namun begitu, terdapat perbezaan dari segi kepatuhan kepada sistem dan nilai yang telah ditetapkan oleh syarak. Hal ini kerana, matlamat pelancongan Islam perlu seiring dengan nilai-nilai moral sejagat berteraskan syarak tanpa mengabaikan unsur spiritual.

Oleh yang demikian, dalam konteks pelancongan Islam di Malaysia menekankan tiga konsep utama iaitu pelancongan keagamaan, pelancongan budaya dan pelancongan spiritual. Ketiga-tiga konsep ini digabungkan untuk menyediakan tarikan kepada para pelancong (Lina Munirah Kamarudin & Hairul Nizam, 2012). Perkara ini dapat dilihat menerusi penubuhan Pusat Pelancongan Islam pada awal tahun 2010 di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia telah memperkasakan sektor pelancongan Islam dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam urusan pentadbiran, memacu pertumbuhan produk halal dan pembinaan infrastruktur dan mercu tanda berkonsepkan seni bina Islam.

KONSEP MAQASID SYARIAH

Syariah Islam diturunkan oleh Allah SWT bertujuan untuk memberi kebaikan dan menolak kemudaratan kepada manusia. Setiap peraturan yang terkandung dalam syariah mempunyai tujuan dan maksudnya yang tersendiri. Sarjana Islam menggambarkan syariah sebagai rahmat, membawa masalah kepada semua serta mempunyai hikmah yang bersifat menyeluruh (Mohamad Zaidi Abdul Rahman, 2015). Syariat Islam mempunyai objektif tertentu dalam penentuan sesuatu hukum iaitu menjaga kepentingan dan keperluan manusia dunia dan akhirat di samping menarik kebaikan serta menolak kemudaratan (Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd Fuad Sawari, 2008; Mohamad Zaidi Abdul Rahman, 2015). Inti pati perbahasan maqasid syariah berkait rapat dengan usaha mengenal pasti tujuan di sebalik pensyariaan sesuatu hukum syariah sama ada melalui pernyataannya secara jelas dalam al-Quran atau melalui takwilan yang terkandung dalam mesej-mesej qurani (Mohd. Farid Mohd Shahrin, 2018). Maqasid syariah merujuk kepada satu disiplin ilmu yang menerbitkan suatu kaedah umum, menjelaskan kaedah atau metode yang digariskan dalam ilmu *usul al-fiqh* yang berkaitan dengan nas-nas syarak yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kehidupan manusia di sepanjang masa dan zaman (Mohd Anuar Ramli, t.t). Ianya merupakan objektif yang telah diletakkan oleh syarak dalam



mensyariatkan sesuatu hukum. Ilmu ini adalah asas kepada segala perlakuan mukallaf dan menjadi penggerak aktiviti manusia dalam rangka merealisasikan kepentingan umum iaitu memberikan kemanfaatan dan menghindarkan kerosakan bagi mencapai keredhaan Allah (Mohd Anuar Ramli, t.t)

Perkataan maqasid syariah terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu maqasid dan juga syariah. Perkataan maqasid dari sudut bahasa merupakan jamak kepada perkataan *maqсад* yang diambil dari kata kerja '*qasada*' yang membawa maksud pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada maksud objektif yang membawa erti berasaskan kenyataan atau fakta sebenar (Mohd Anuar Ramli, t.t). Perkataan syariah pula berasal dari perkataan *syara'a* yang bermaksud sumber air yang tidak pernah putus dan terus mengalir, memulai sesuatu pekerjaan dan juga menjelaskan, menerangkan dan menunjukkan jalan (Mohd Anuar Ramli, t.t). Dari segi istilah, syariah ialah hukum-hukum atau undang-undang Allah SWT yang diturunkan kepada manusia meliputi segenap urusan kehidupan manusia yang mencakupi persoalan akidah (pegangan), syariat (perundangan) dan muamalat (urusan kehidupan manusia). Syariah juga bermaksud segala sesuatu yang diundang-undangkan oleh Allah SWT dalam urusan keagamaan melalui wahyuNya (Haron Din et al, 1985). Dari segi istilah, maqasid syariah boleh didefinisikan sebagai matlamat, hikmah, rahsia dan objektif di sebalik penetapan sesuatu hukum dan ianya amat penting bagi menyelesaikan masalah, mendatangkan *maslahah* dan menolak *mafsadah* demi kebaikan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Aspek-Aspek Maqasid Syariah

Matlamat utama yang ingin dicapai oleh Islam melalui pensyariaan hukum syariah ialah pemeliharaan kebaikan (*maslahah*) pada setiap individu. Kebaikan dan kemaslahatan ini tertumpu kepada lima unsur utama iaitu *hifz al-din*, *hifz al-nafs*, *hifz al-'aql*, *hifz al-nasl* dan *hifz al-mal*. Kelima-lima unsur ini dipelihara mengikut tiga tahap keutamaan iaitu *dharuriyyat* (kewajipan asasi), *hajiyyat* (keperluan) dan *tahsiniyyat* (kesempurnaan) (Mohd. Farid Mohd Shahrin, 2018).

Memelihara Agama

Kepentingan agama berada pada kedudukan yang paling atas dan lebih utama daripada kepentingan nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Ia menjadi tujuan utama syariat dalam memperkasakannya. Oleh itu umat Islam ditegah melakukan sesuatu amalan yang bercanggah dengan syariat Islam seperti bid'ah, khurafat, syirik atau apa-apa perkara yang boleh menyebabkan gugurnya syahadah seseorang itu sama ada melalui iktikad, lisan atau perbuatan. Untuk memelihara agama, Allah SWT telah mewajibkan pelaksanaan segala rukun Islam yang lima, mewajibkan jihad dan mengenakan hukuman terhadap golongan yang murtad. Dalam konteks pelancongan, pemeliharaan agama boleh dilihat melalui penyediaan ruang ibadat yang bersesuaian di bilik-bilik hotel.



Memelihara Nyawa

Kepentingan nyawa berada pada kedudukan yang kedua selepas agama. Islam mengharamkan apa sahaja bentuk penganiayaan terhadap nyawa dalam apa cara bentuk sekalipun. Contohnya seperti membunuh diri dan orang lain, mencederakan diri sendiri dan orang lain, mengambil sesuatu yang boleh membahayakan nyawa seperti dadah, rokok dan sebagainya. Oleh itu, bagi memelihara nyawa, Islam menyuruh umatnya makan dan minum dari sumber yang *halalan thoyyiban* di samping mengenakan hukuman qisas, *diyat* atau *kaffarah* ke atas sesuatu kes pembunuhan.

Memelihara Akal

Akal merupakan nikmat Allah SWT yang amat berharga kepada manusia. Bebanan tanggungjawab sebagai Muslim diberikan kepada manusia kerana akalnya. Oleh itu, pemeliharaan akal adalah sangat penting agar sentiasa waras, sihat dan sempurna. Sehubungan dengan itu, Islam melarang umatnya mengambil sesuatu yang boleh membawa kerosakan kepada akal seperti arak dan dadah. Pengharaman arak dan dadah menunjukkan ketegasan Islam dalam memelihara akal manusia. Hukuman yang dikenakan kepada peminum arak menurut hukum hudud ialah disebat antara 40 hingga 80 kali bagi mengelakkan umat Islam dari terjebak dengan gejala ini.

Memelihara Maruah dan Keturunan

Perkahwinan secara sah mengikut ketentuan syarak merupakan satu ketetapan yang diwajibkan ke atas umat manusia sebagai salah satu cara untuk memelihara maruah dan keturunan. Ini kerana, melalui perkahwinan zuriat yang bakal dilahirkan akan mempunyai susur galur keturunan yang betul dan sah sekaligus dapat memelihara maruah mereka. Pengharaman mendekati zina sebagaimana termaktub dalam al-Quran dan sebarang perbuatan yang boleh menjurus ke arah itu juga bertujuan untuk memelihara maruah setiap individu.

Memelihara Harta

Harta merupakan antara keperluan hidup manusia di atas muka bumi ini. Islam sendiri mengiktiraf pemilikan harta oleh individu kerana harta merupakan wasilah bagi umat Islam mencapai keredhaan Allah SWT. Oleh sebab itu, Islam telah mewajibkan manusia mencari rezeki yang halal dan mengharamkan mengambil harta orang lain secara batil. Pensyariatannya sesama manusia seperti berjual beli, sewa menyewa, perkongsian untung rugi, gadaian, pinjaman dan sebagainya sebagai antara cara untuk memperoleh harta. Sehubungan dengan itu, Islam mengharamkan mencuri, merompak, rasuah, mengambil riba, menipu dalam timbangan dan sebagainya bagi memelihara pemilikan harta oleh individu. Pelaku akan dikenakan hukuman yang setimpal mengikut kesalahan yang dilakukan.



KONSEP HIFZ AL-'AQL

Akal merupakan suatu kekuatan atau keupayaan pada diri manusia iaitu keupayaan berfikir dan memahami. Akal juga cahaya dalam kalbu yang dapat mengenal pasti kebenaran dan kebatilan (Mohd Zaidi Ismail, 2018). Akal dalam penjelasan para alim ulama Islam muktabar sebenarnya ialah diri ruhani insan itu sendiri. Malah tingkat akal yang tertinggi yang diakui dalam Islam adalah para Rasul yang dianugerahkan Allah SWT kemampuan untuk menerima wahyu (Mohd Zaidi Ismail, 2018).

Definisi akal menurut Ibn Manzur (1990) dalam kitabnya *Lisan al-Arab*, mentakrifkan akal sebagai *al-hajr* atau *al-nahy* yang membawa maksud halangan atau tegahan. Istilah 'aqil yang asalnya merujuk kepada perlakuan mengikat kaki unta bagi menghalang dan menegahinya dari berjalan, dalam konteks diri manusia membawa maksud sesuatu yang berfungsi mengikat maklumat-maklumat yang diterima melalui pancaindera insan. Sementara orang yang berakal menurut Ibn Manzur ialah seorang yang menghalang dan memalingkan dirinya dari hawa nafsunya (Ibn Manzur, 1990).

Menurut Imam al-Ghazali, pentakrifan akal dibahagikan kepada empat takrifan. Pertama akal sebagai satu sifat *tabi'i* yang membezakan manusia dengan makhluk lain serta membolehkan manusia menerima ilmu-ilmu berbentuk pemikiran. Kedua akal ialah ilmu-ilmu *daruri* yang datang dalam diri manusia semenjak kanak-kanak yang membolehkan mereka berfikir tentang kemungkinan dan kemustahilan sesuatu perkara. Ketiga akal membawa makna ilmu yang didapati melalui pengalaman sepanjang hidupnya. Keempat akal merupakan satu kekuatan yang membolehkan manusia mengetahui akibat dari pelbagai perkara dan berasaskan kekuatan ini akal dapat mengawal hawa nafsunya daripada tenggelam dalam kenikmatan duniawi (Wan Muhammad Naif, 2017).

Penciptaan manusia yang dianugerahkan akal oleh Allah SWT merupakan salah satu ciri agung yang membezakan antara manusia dengan haiwan dan makhluk lain (Ibn Khaldun, 2004). Allah SWT menganugerahkan akal hanya kepada manusia dan ia sangat berperanan dalam kehidupan manusia. Selain itu akal berperanan sebagai penentu taklifan seseorang hamba. Tanggungjawab untuk melaksanakan syariat dan hukum ketetapan Allah SWT adalah berdasarkan kewarasan akal yang dimiliki. Kedudukan istimewa akal jelas dalam kebertanggungjawaban agama yang dinamakan *taklif shar'ie*. Kebertanggungjawaban agama adalah bergantung pada kematangan akal (*aqil baligh*) yang bercirikan keupayaan membezakan (*tamyiz* atau *mumayyiz*) bukan sahaja baik buruk tetapi juga kategori dasar kewujudan wajib, mustahil dan harus (Mohd Zaidi Ismail, 2018).

Sehubungan itu kedudukan dan kemuliaan akal perlu dipelihara. Lantaran itu ia amat ditekankan dalam maqasid syariah. Allah SWT telah mengutuskan syariat sebagai panduan kepada umat manusia bagi memelihara kedudukan dan kemuliaan akal. Ini dapat dilihat secara jelas melalui larangan Allah SWT terhadap pengambilan arak yang dilihat akan menjejaskan kewarasan akal seseorang. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:



Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.

(Al-Maidah, 5:90)

Pelaksanaan syariat dan hukum Allah SWT memerlukan kepada kebijaksanaan akal yang bersandarkan wahyu. Ini kerana akal merupakan sumber hikmah, hidayah dan kebahagiaan kepada manusia di dunia dan akhirat. Akal yang waras akan mendorong manusia untuk berfikir dan mentaati setiap perintah Allah SWT. Bagi memastikan syariat Allah SWT tertegak atas muka bumi, kewarasan dan kebijakan akal pada seseorang Muslim juga sangat penting. Ini jelas menunjukkan bahawa akal dan syariat saling berhubung. Maka atas dasar ini Islam menyuruh umatnya menjaga akal serta mencegah segala bentuk penganiayaan terhadapnya. Apabila akal terjaga dengan baik sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam, maka kemaslahatan manusia akan tercapai dan kemungkaran serta perbuatan keji dapat dicegah (Wan Muhammad Naif, 2017)

Selain itu pemeliharaan akal juga penting dalam konteks akidah kerana ia berperanan dalam meningkatkan keimanan seseorang melalui aktiviti berfikir. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menyeru manusia untuk berfikir tentang kejadian alam semesta. Antaranya gesaan melihat dan merenung setiap sesuatu kejadian dan fenomena alam, gesaan mentafsir, meneliti dan menganalisa sesuatu peristiwa yang ditanggapi oleh pancaindera. Ini menunjukkan akal berperanan dalam menyuburkan keimanan kepada pencipta alam Allah SWT. Al-Quran menyeru manusia agar merenung dan memikirkan segala ciptaan Allah SWT agar hakikat keimanan itu dirasai (Norafifah Ab Hamid, 2018).

Disamping itu akal penting dalam mendorong manusia untuk beriman kepada perkara ghaib seperti kewujudan syurga, neraka, hari kebangkitan, padang masyar, titian sirat, dosa dan pahala yang tidak dapat dicapai melalui kaedah pancaindera dan eksperimen. Perkataan akal yang disebut sebanyak 49 kali di dalam al-Quran jelas menunjukkan bahawa perlunya peranan akal untuk memahami segala ciptaan Allah SWT samada yang bersifat nyata mahupun ghaib (al-Qaradhawi, 2001).

Antaranya firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan tiadalah kehidupan dunia ini, selain dari main-main dan senda gurau belaka. Dan sungguh kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Maka tidakkah kamu memahaminya?

(Al-An'am, 6:32)

Akidah umat Islam itu tidak lari daripada kehebatan akal dan kemampuan manusia dalam mengamati dan menganalisis pelbagai persoalan kehidupan. Oleh sebab itu, Allah SWT memuliakan akal dengan memberi arahan dan perintah kepada manusia, menjadikannya sebagai syarat pentaklifen dan mengajak manusia untuk mengkaji, menganalisis dan berfikir (Wan Muhammad Naif, 2017).

Dalam Islam, hukum syarak tidak hanya berputar dalam hal hudud atau ibadah semata-mata, namun ia bertanggungjawab memperbaiki keadaan manusia khususnya dalam bidang pendidikan yang bertindak sebagai perkara penting dalam pemeliharaan akal manusia. Ini kerana akal yang tidak waras boleh menjadi faktor penghalang kepada sesebuah kemajuan. Oleh itu akal perlu dijaga agar pemikiran manusia tidak sewenang-wenangnya dijajah oleh pelbagai bentuk pemikiran yang bertentangan dengan *worldview* Islam (Wan Muhammad Naif Bin Mohd Nordin, 2017).

Budaya ilmu perlu dihidupkan dalam masyarakat agar akal dapat dipelihara dengan baik. Islam amat menggalakkan pemeliharaan akal melalui usaha menyuburkan budaya intelektual dengan memikirkan tentang ciptaanNya, mendalami ilmu dan menyebarkan ilmu, melakukan penyelidikan, inovasi yang kreatif dan bermanfaat. Hal ini dapat dilihat jelas melalui wahyu pertama yang diturunkan Allah SWT berkaitan seruan membaca melalui surah al-Alaq yang perbincangannya berkisar ilmu. Justeru penguasaan ilmu pengetahuan dalam masyarakat bukan sekadar untuk mencapai kemajuan bahkan untuk memastikan akal manusia sentiasa terpelihara dan berada pada landasan yang benar.

HIFZ AL-'AQL MELALUI AKTIVITI PELANCONGAN

Sesungguhnya syariah itu bukan hanya teori semata-mata, malahan ianya bersifat praktikal dan merupakan cara hidup yang dilaksanakan di bawah perintah Allah SWT serta kepatuhan kepada-Nya. Seorang Muslim dituntut untuk melaksanakan konsep *Hifz al-'Aql* atau memelihara akal dalam kehidupan seharian. Oleh itu setiap aktiviti pelancongan, seharusnya seseorang pelancong itu dapat memastikan konsep *Hifz al-'Aql* dapat dilaksanakan. Justeru itu, *Hifz al-'Aql* dapat dilaksanakan dengan pelbagai metode seperti yang disebutkan dalam al-Quran iaitu metode *ta`qil* (berfikir), *tadzakkur* (mengingat), *tafakkur* (berfikir secara mendalam), *tadabbur* (merenung) dan *tafqih* (memahami) (al-Qaradawi, 2001). Berikut adalah konsep *Hifz al-'Aql* yang boleh diaplikasikan ke dalam aktiviti pelancongan. Antaranya melalui:

Metode Ta`qil (Berfikir) dan Tafqih (Memahami)

Perkataan *al-ta'aqqul* dari segi bahasa mempunyai beberapa maksud. *Al-ta'aqqul* berasal dari kata dasar *'aqala* yang bermaksud berfikir. Perkataan *'aqala* dalam bentuk kata kerja (fi'l), iaitu *habasa* yang bermaksud mengikat atau menawan. Orang yang menggunakan akalnya disebut dengan *'aqil* atau orang yang dapat mengikat dan menahan hawa nafsunya (Ibn Manzur, 1990). Ibn Zakariya dalam Mu'jam Al-Maqayis fi Al-Lughah mengatakan bahawa semua perkataan yang memiliki akar kata yang terdiri dari huruf 'ain, qaf dan lam menunjuk kepada maksud kemampuan mengendalikan sesuatu, baik berupa perkataan, fikiran, mahupun perbuatan. Oleh itu konsep *al-ta'aqqul* memberi maksud seperti; *'aqala-ya'qilu* sebagai kata kerja, *'aqil* sebagai daya berfikir, *'aqil* menunjukkan kepada orang yang berfikir. Sedangkan perkara yang masuk ke dalam akal seringkali disebut sebagai *ma'qul* (Ibn Faris, 1979). Manakala maksud *tafhim* menurut al-Mukjam al-Ghaniy (Ghaniy, 1434) ialah *tafaqquh* iaitu pemahaman yang mengkagumkan terhadap sesuatu ilmu (Zhaffar, 2018).



Berdasarkan pengertian di atas dapat difahami bahawa orang yang berakal atau orang yang menggunakan akalinya dengan baik pada dasarnya ia adalah orang yang mampu mengikat hawa nafsunya, sehingga hawa nafsunya tidak dapat menguasai dirinya. Selain itu, orang yang berfikir juga akan dapat mengendalikan dirinya terhadap dorongan nafsu dan juga dapat memahami kebenaran agama (Ismail M. , 2014).

Imam al-Ghazali juga telah meletakkan tiga kerangka elemen kemahiran berfikir iaitu kefahaman terhadap konsep ilmu, kedua proses pelaksanaan pengajaran dan ketiga nilai serta penghayatan dalam pengajaran yang dilaksanakan (Fatimah Kasmuri, 2018).

Justeru itu, bagi memastikan *Hifz al-'Aql* dapat dilaksanakan ketika aktiviti melancong melalui metode ini antaranya ialah dengan melancong untuk tujuan mencari ilmu dan menambahkan ilmu pengetahuan. Al-Quran amat mengalakkan umatnya mengembara mencari ilmu samada ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Terdapat banyak ayat al-Quran menegaskan tentang galakan ini. Antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru. Sesungguhnya Allah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Al-Ankabut, 29:20)

Ayat ini menggalakkan manusia melakukan perjalanan bagi meluaskan pengetahuan dan mendekatkan diri dengan Allah SWT. Begitu juga boleh dilihat dalam tradisi ilmu Islam, tokoh-tokoh ilmuan Islam telah keluar daripada kampung halaman dan negeri mereka semata-mata untuk mendapatkan ilmu. Sebagai contoh, Ibnu Battuta begitu gigih dalam pengembaraan atau rehlah ilmunya. Beliau telah belayar ke merata tempat seperti ke Afrika Utara, Syria, Iraq, Yaman, Afrika Timur, Lembah Nil, Laut Merah, Asia Timur, Laut Hitam, Crimea, Istanbul, Afghanistan, India dan Granada. Hasil daripada pengembaraan yang telah dilakukan, beliau telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Tuhfat al-Nuzzar fi 'Ajaib al-Ansar* yang mencatat mengenai adat resam, kepercayaan, lagenda dan cerita-cerita ganjil dari negara-negara yang dikunjunginya (Salleh, 2010).

Pelancongan yang bertujuan untuk mencari dan menambah ilmu pengetahuan seperti pengembaraan ke bumi *anbiya'*, menjejaki sejarah para sahabat dan mengunjungi muzium adalah antara bentuk pelancongan yang selari dengan konsep menjaga akal. Melalui kegiatan pelancongan ini akal dapat berperanan dengan baik seperti yang dianjurkan dalam al-Quran. Melalui kegiatan ini metode *ta'qil* (berfikir) dan *tafqih* (memahami) dapat diaplikasi. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:



Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari Jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.

(Al-A'raf, 7:179)

Menurut Hamka, hati dalam ayat ini boleh juga diertikan sebagai akal kerana kalimah hati merujuk kepada fikiran nurani. Sekiranya hati tidak digunakan untuk berfikir, merenung dan memahami ia akan menjadi sebab sebagai isi neraka (Hamka, 1982).

Penelitian terhadap ayat yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa al-Quran menggesa pemeliharaan akal dan penggunaan akal dengan baik. Akal yang dikurniakan Allah merupakan alat utama untuk berfikir dan al-Quran menggesa manusia agar berfikir, melihat, merenung, mentafsir, meneliti dan menganalisa setiap sesuatu disebalik ciptaan Allah SWT. Sebagai makhluk yang berakal di muka bumi ini seharusnya berusaha memelihara dan memanfaatkan akal dalam apa jua bentuk dan keadaan meskipun melalui kegiatan pelancongan. Apatah lagi berfikir dan memahami akan setiap sesuatu tinggalan sejarah dan mengambil iktibar ke atas apa yang telah berlaku.

Selain itu, aktiviti berkunjung serta rehlah ke sesuatu destinasi pelancongan juga boleh dijadikan sebagai cara untuk mengukuhkan iman dan takwa. Ini kerana banyak pengajaran berkaitan perkara baik dan buruk dapat dilalui atau diperhatikan ketika aktiviti tersebut dilaksanakan. Keadaan ini boleh dilihat melalui ayat al-Quran, Allah SWT mendorong hambanya melakukan perjalanan supaya mereka dapat melihat kesan-kesan peninggalan umat terdahulu, supaya dapat dijadikan iktibar. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Tidaklah mereka menjelajah di muka bumi, supaya mereka mempunyai hati yang dapat memikirkan atau telinga dapat digunakan untuk mendengar? Kerana sebenarnya bukan mata yang buta, tetapi yang buta ialah hati dalam dada.

(Al-Hajj, 22:46)

Menurut Profesor Hamka, bukan sedikit manusia yang mengembara tetapi mereka tidak dapat melihat keagungan dan kebesaran ilahi. Ini disebabkan mata hati mereka tertutup, tidak dapat menilai apa yang mereka lihat dan dengar (Salleh, 2010). Sebagaimana Allah SWT berfirman dalam ayat lain, yang bermaksud:



Katakanlah (Wahai Muhammad): "Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul itu)".

(Al-An'am, 6:11)

Allah SWT juga berfirman dalam surah Fatir, yang bermaksud:

(dan sebagai buktinya): tidakkah orang-orang (yang tidak mahu beriman) itu telah mengembara di muka bumi, lalu mereka menyaksikan bagaimana kesudahan orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka, sedang orang-orang itu lebih kekuatannya dari mereka? Dan (sudah tetap) bahawa kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatupun sama ada di langit atau di bumi, sesungguhnya ia adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

(Al-Fatir, 35:44)

Dengan beberapa ayat di atas dapatlah difahami bahawa Allah SWT menggalakkan umat Islam melakukan perjalanan dan pengembaraan untuk melihat kesan-kesan peninggalan umat terdahulu. Ini kerana, dengan aktiviti perjalanan yang dilakukan dapat memperolehi iktibar serta pengajaran berdasarkan pemerhatian dan penelitian yang dilakukan, sekaligus ianya dapat memelihara fungsi akal fikiran manusia.

Oleh itu boleh difahami bahawa aktiviti pengembaraan untuk mencari ilmu memastikan konsep *Hifz al-'Aql* dapat dilaksanakan. Ini kerana Islam telah memberi garis panduan yang lengkap untuk memeliharanya. Antara lain Islam juga turut menganjurkan umatnya supaya sentiasa menimba ilmu serta meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Dengan akal yang sempurna serta digabungkan dengan ilmu yang diperolehi manusia mampu mencipta kemajuan dalam pelbagai bidang untuk pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Metode Pemikiran Kritis (Berfikir Secara Mendalam) dan Tadzakkur (Mengingat)

Pemikiran kritis atau berfikir secara mendalam ialah sebuah bentuk pemikiran yang mendalam dan serius untuk memastikan kebenaran sesuatu maklumat agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi (Norafifah Ab Hamid, 2019). Begitu juga dengan *tadzakkur* yang berasal daripada perkataan dhakara yang bermaksud mengingati, memperoleh peringatan, mendapat pelajaran, memperhatikan dan mempelajari. *Tadzakkur* adalah salah satu tugas akal yang paling tinggi, dan *dzakirah* (ingatan) adalah tempat penyimpanan pengetahuan dan informasi yang diperolehi manusia untuk digunakan ketika diperlukan. Menurut Yusuf al-Qardhawi, manusia tidak boleh hidup tanpa *tadzakkur* dan *dzakirah* (al-Qardhawi, 1998).

Justeru itu, metode ini dapat diaplikasikan apabila seseorang itu memerlukan aktiviti yang boleh merehatkan fikiran dan menjadikan minda lebih tenang. Keperluan kepada kerehatan adalah satu fitrah kepada manusia. Ini kerana, kerehatan dapat



memulihkan tenaga, mengembalikan keceriaan dan meningkatkan prestasi kerja. Memerhati sumber semulajadi dengan pemandangan yang cantik menawan dan tenang mampu mengembirakan hati serta dapat mententeramkan perasaan manusia yang berkecamuk dan penat (Salleh, 2010).

Oleh itu dapat dilihat, orang ramai cenderung memilih tempat-tempat rekreasi semulajadi yang aman dan tenteram untuk merehatkan fikiran dan minda mereka. Selain itu dengan pemerhatian, penelitian serta renungan yang dibuat kepada alam ciptaan Allah SWT akan mendekatkan dan menambah ketaatan manusia kepada Pencipta alam yang berkuasa ini.

Sebagaimana al-Quran menggambarkan peristiwa perjalanan Nabi Ibrahim A.S untuk menghambakan diri kepada Allah SWT dan mendapatkan ketenangan jiwa dan fikiran (Salleh, 2010). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Setelah itu Lut beriman kepadanya dan Nabi Ibrahim pun berkata: "Aku hendak berhijrah kepada Tuhanku, Sesungguhnya Dia lah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Ankabut, 29:26)

Kegiatan pelancongan sebegini amat bertepatan dengan anjuran al-Quran agar akal digunakan untuk (berfikir secara mendalam) dan *tadzakkur* (mengingat) kepada Allah SWT. Metode (berfikir secara mendalam) dan *tadzakkur* (mengingat) jelas dapat diaplikasi melalui kegiatan pelancongan terutamanya sewaktu berpeluang menikmati keindahan alam ciptaan Allah SWT. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang, terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, Maka peliharalah kami dari siksa neraka.

(Ali 'Imran, 3:190-191)

Ayat ini menjelaskan hubungan berfikir tentang bukti-bukti kejadian alam dengan ingatan mereka kepada Allah dalam setiap keadaan, berdiri, duduk dan baring. Orang-orang yang berakal dan mempunyai kefahaman yang betul akan membuka mata hati mereka untuk menerima bukti-bukti Ketuhanan yang terdapat pada kejadian alam. Selain itu menurut Ibn Kathir Allah SWT menyifatkan orang-orang yang berakal dan sihat itu bahawa mereka sentiasa mengigati Allah SWT walau keadaan bagaimana, mereka duduk, berdiri ataupun berbaring. Mereka memikirkan ciptaan Tuhan dan merenungi hikmah yang terkandung dalam penciptaan itu (Ibn Kathir, t.t).



Al-Quran dari awal lagi menggandingkan di antara tawajjuh dan ibadat kepada Allah dalam semua keadaan dengan kegiatan berfikir. Al-Quran memasukkan kegiatan berfikir itu di dalam kegiatan beribadat dan ia jadikan kegiatan berfikir itu sebahagian dari berzikir atau mengingati Allah dan ia dianggap sebagai jantung ibadat (Ibn Kathir, t.t). Menurut Hamka ini bererti zikir dan fikir saling berkait dan mempunyai hubungan yang kuat (Hamka, 1982). Sehubungan itu, ilmu-ilmu sains yang mengkaji tentang alam juga menjadi ibadah apabila ianya dikaitkan dengan kebesaran pencipta. Menurut Syed Qutb sesungguhnya Insan yang bertaqwa sahaja yang dapat mengambil rahsia dari al-Quran dan ciptaan alam ini. Ini bererti kegiatan pelancongan juga boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada aktiviti *tadzakkur* (mengingat) yang dianjurkan al-Quran.

Justeru itu dapat dibuktikan bahawa dengan melaksanakan aktiviti melancong ini, bukan sahaja dapat melihat keindahan dan menghargai ciptaannya melalui pemerhatian terhadap tanda, sejarah dan tarikan buatan manusia malah ianya juga dapat memelihara akal manusia daripada memikirkan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan boleh merosakkannya. Pada masa yang sama ianya juga dapat mendekatkan lagi diri seorang hamba dengan Penciptanya (Nizam, 2012).

Oleh yang demikian, dapat dilihat juga bahawa tujuan melancong yang dianjurkan Islam ialah digerakkan mata hati untuk menilai, memahami dan mengambil pengajaran sepanjang pengembaraan. Minda pengembara hendaklah dibuka dan berdoa supaya Allah SWT memberi hidayah serta kebaikan daripada aktiviti melancong itu. Walaupun aktiviti melancong lebih bersifat santai, tetapi janganlah menjadikan aktiviti tersebut penyebab kepada manusia lupa untuk berfikir kerana ketika merehatkan diri, minda masih perlu digerakkan secara positif supaya mendapat kebaikan ketika melancong. Sesiapa tidak dapat merasai sebarang minat terhadap sesuatu pemandangan atau keadaan sehingga terbuka minda dan merasai kehebatan ciptaan Allah SWT, itulah tanda hatinya sudah mati dan minda menjadi tertutup (<http://www.cambodiamuslimholiday.com>, 2019).

Namun begitu hakikat yang berlaku ketika ini, ramai orang mengembara atau melancong hanya untuk melihat sahaja tanpa mengambil pengajaran dari apa yang dilihat atau apa yang ditemui. Maka lawatan yang dilakukan itu menjadi tidak berkesan dalam memperbaiki taraf kehidupan diri dan ummah (Salleh, 2010).

Metode Tafakkur (Berpikir)

Tafakkur berasal daripada perkataan *fakkara* yang bermaksud berfikir. *Tafakkur* bermaksud fikir-dzikir yang melibatkan perasaan dan pemikiran. Ia juga merupakan kaedah penyembuhan dan pembersihan diri. Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang menyatakan bahawa bertafakkur merupakan pekerjaan hati yang paling utama dan paling bermanfaat (Pasiak, 2008).

Salah satu cara mengaplikasi aktiviti *tafakkur* (berfikir) adalah melalui kegiatan pelancongan. Al-Quran secara jelas menggambarkan aktiviti *tafakkur* berkait rapat



dengan alam ciptaan Allah SWT yang juga boleh dinikmati melalui kegiatan pelancongan. Ketika melancong, sudah tentu apa yang dilihat dan dialami tidak sama seperti di tempat sendiri. Allah SWT Maha berkuasa menjadikan seluruh dunia itu tidak sama daripada segi bentuk muka bumi, iklim, tumbuh-tumbuhan dan kehidupan masyarakatnya.

Oleh kerana itu, Allah SWT menyuruh supaya umatNya melihat setiap ciptaanNya. Seluruh ciptaan Allah SWT amat sempurna dan cantik yang menyenangkan fikiran dan perasaan jika dilihat daripada sudut keimanan. Orang beriman semakin bertambah imannya setiap kali melihat kejadian alam yang memperlihatkan kelainan.

Firman Allah yang bermaksud:

Kau tidak melihat sekali-kali pada ciptaan Tuhan yang Maha Pemurah, sesuatu yang tidak seimbang. Maka lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang?

(Al-Mulk, 67:3)

Pelancong seharusnya menggunakan kesempatan untuk mencari sesuatu yang baik, supaya apa yang dilihat dapat dilakukan atau ditiru di tempat sendiri. Islam menggalakkan umatnya menimba sebanyak pengalaman untuk dimanfaatkan ke arah memperbaiki diri serta kehidupan.

Aktiviti melancong juga dipercayai boleh menjana daya kreativiti minda seseorang. Sebagai contoh apabila seseorang keluar dari zon selesa, minda akan menjadi semakin kreatif. Untuk membangun rangkaian neural di dalam otak yang mencetus idea baharu (<https://www.aia.com.my>, 2019), sekaligus ianya akan meningkatkan kreativiti, keupayaan dan kemampuan berfikir seseorang.

Melalui aktiviti melancong juga, ia mampu meningkatkan kemampuan otak, kerana kemampuan mengadaptasi diri kepada persekitaran yang bertambah dan secara tidak langsung ia mampu meningkatkan fleksibiliti kognitif. Jurnal *Personality and Social Psychology*, menyatakan orang yang suka melancong mempunyai minda yang lebih terbuka dan stabil secara emosi. Tambah kajian itu, lebih banyak seseorang itu berjalan atau melancong, lebih tinggi peluang untuk mengadaptasi diri terhadap sistem kebudayaan baharu, lebih kreatif dan lebih berjaya (News, 2017). Justeru itu akal yang dikurniakan Allah SWT perlu digunakan dan dipelihara sebaiknya melalui aktiviti *tafakkur* (berfikir). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan Dialah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-gunung dan sungai-sungai padanya, dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasang-pasangan, Allah menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

(Al-Ra'd, 13:3)



Ayat ini menjelaskan berkaitan kegiatan berfikir dan memikir dan ia disebut sebagai *tafakkur* kerana ia menggunakan pemikiran untuk mencapainya (al-Qaradhawi, 2001). Hakikat kejadian ciptaan Allah SWT ini adalah untuk menggerak dan merangsang fikiran manusia supaya merenungi rahsia-rahsia penciptaan Allah. Selain itu untuk menggerakkan akal bagi memikirkan qudrat ilahi yang mengatur dan memelihara alam. Dalam ciptaan Allah SWT semuanya terdapat tanda-tanda kebesaran dan kekuasaanNya bagi orang-orang yang berakal dan menggunakan akalnya untuk merenung dan berfikir (Ibn Kathir, t.t). Hanya manusia yang tidak berfikir yang tidak dapat merasakan kekuasaan Allah. Justeru manusia dituntut agar berfikir dengan teratur (Hamka, 1982).

Metode Taddabur

Taddabur berasal dari perkataan Arab yang bermaksud sepintas lalu, pemerhatian dan pemikiran terhadap sesuatu perkara yang baik. Perkataan *taddabur* merupakan satu perkataan yang sering disebut sebagai suatu gesaan ketika membaca al-Quran. *Taddabur* adalah salah satu cara untuk memahami al-Quran. Menurut istilah *taddabur* bererti merenungkan, menghayati dan memikirkan serta pencermatan ayat-ayat al-Quran untuk dapat memahami makna, hikmah ataupun maksud.

Taddabur al-Quran adalah renungan dan penelitian ayat-ayat al-Quran agar dapat memahami makna, hikmah ataupun maksudnya. Kesedaran ilmu *taddabur* amat penting diterapkan terhadap individu Muslim agar masyarakat kembali kepada penghayatan al-Quran yang sebenar.

Ini kerana sekiranya umat Islam tidak mampu menilai keistimewaan al-Quran sebagai anugerah yang memberi petunjuk yang benar, adakah mereka dapat memahami tuntutan kehidupan sebagai hamba kepada Penciptanya? Justeru itu, *taddabur* menjadi suatu tuntutan dan ia perlu kepada panduan. Ulama' mendatangkan garis panduan yang terbaik dalam usaha mendekati masyarakat dengan al-Quran (Bakar, 2018).

Oleh itu apabila metode *taddabur* al-Quran ini diaplikasi dapatlah difahami bahawa dalam al-Quran Allah SWT sangat menggalakkan manusia supaya berfikir. Ini secara langsung menunjukkan bahawa kedudukan akal yang sangat tinggi dalam Islam. Maka semua perkara yang memabukkan, akan menghilangkan fungsi akal manusia untuk berfikir. Akal juga akan berfungsi apabila manusia dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang betul. Dapat difahami juga disebabkan inilah, Islam mengharamkan arak dan semua perkara yang memabukkan serta menuntut umatnya berilmu pengetahuan (Noor, 2018).

Untuk memastikan keselamatan akal juga setiap individu seharusnya meninggalkan setiap perkara yang boleh menyebabkan kepada kerosakan akal fikiran. Pengharaman terhadap makanan dan minuman tertentu adalah untuk menjaga kewarasan akal. Prinsip ini juga menjadi indikator utama dalam penubuhan hotel patuh syariah sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Henderson di mana



penggunaan alkohol samada sebagai bahan minuman atau bahan perasa tambahan dalam masakan mestilah dihapuskan (Henderson, 2010). Indikator ini adalah selari sebagaimana pensyariat Allah di dalam Al-Quran. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu Berjaya.

(Al-Maidah, 5:90)

Selain itu umat manusia turut digesa untuk menggunakan akal bagi memahami hukum-hukum Allah SWT. Manusia dikehendaki berfikir dan memahami proses sejarah keberadaan manusia, sunnatullah dan syariat yang ditentukan kepada manusia (Efrianto Hutasuhut, 2017). Dalam masa yang sama syariat juga diperlukan bagi memelihara kedudukan dan kemuliaan akal (Wan Muhammad Naif, 2017). Ini dapat dilihat secara jelas melalui larangan Allah SWT terhadap pengambilan arak yang dilihat akan menjejaskan kewarasan akal seseorang. Sehubungan itu kegiatan pelancongan bukan untuk menikmati kepuasan semata-mata tetapi ia juga haruslah memahami hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Pelaksanaan syariat dan hukum Allah SWT memerlukan kepada kebijaksanaan akal yang bersandarkan wahyu. Ini kerana akal merupakan sumber hikmah, hidayah dan kebahagiaan kepada manusia di dunia dan akhirat. Akal yang waras akan mendorong manusia untuk berfikir dan mentaati setiap perintah Allah. Bagi memastikan syariat Allah tertegak atas muka bumi, kewarasan dan kebijakan akal pada seseorang Muslim juga sangat penting.

Ini jelas menunjukkan bahawa akal dan syariat saling berhubung. Maka atas dasar ini Islam menyuruh umatnya menjaga akal serta mencegah segala bentuk penganiayaan terhadapnya. Apabila akal terjaga dengan baik sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam, maka kemaslahatan manusia akan tercapai dan kemungkaran serta perbuatan keji dapat dicegah (Wan Muhammad Naif, 2017).

Selain itu, penggunaan istilah seperti Muslim *meal*, *serve no pork* dan sebagainya kadangkala membawa kepada kekeliruan pengguna sedangkan penawarannya tidak diasingkan dengan sumber yang tidak halal seperti arak dan babi dari aspek penyediaannya. Oleh yang demikian, keraguan yang timbul daripada penggunaan segmen pelancongan sedia ada ini perlu ditangani dengan mengembangkan suatu ruang lingkup yang lebih luas lagi berkaitan dengan pelancongan. Dengan itu, kepentingan untuk memelihara akal dalam aspek pelancongan ini dapat dijaga seterusnya memberi pilihan yang pelbagai kepada pengguna Muslim. Justeru itu, pihak yang terlibat dalam industri pelancongan dan perhotelan semestinya mengambil kira aspek ini, supaya perkara yang boleh menyebabkan kepada kerosakan akal fikiran dapat dihindarkan (Nor Azlina Abd Wahab, 2017).



KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah di sini bahawa setiap aktiviti pelancongan yang dilakukan, bukan sahaja membolehkan seseorang itu dapat beristirahat, menghayati keindahan alam dan sebagainya. Malah melalui aktiviti pelancongan yang dilakukan juga, konsep *Hifz al-'Aql* dapat dilaksanakan. Ini kerana menurut al-Zuhaili gesaan Allah SWT supaya mengembara menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan dan pengembaraan merupakan salah satu cabang al-ilm al-fikr hasil dari aktiviti berfikir. Ini kerana pada pandangan beliau orang yang mengembara harus mengembara bersama-sama mindanya dan membuka ruang pemikirannya untuk merenung kejadian dan ciptaan Allah SWT. Dengan erti kata lain, pelancongan seperti itu bukan sahaja melibatkan kekuatan fizikal tetapi juga mental dan spiritual agar aktiviti yang dijalankan benar-benar berfaedah dan diredhai Allah SWT (Salleh, 2010).

RUJUKAN

- Abdul Ghaniy. 1434 H. *Al-Mukjam al-Ghaniy*. Maghribi: Muassasah al-Ghaniy Linnasyr.
- Asmak & Fatimah. 2010. *Pelancongan dari Perspektif Islam*. Dlm. *Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Bakar, N. H. 2018. *Konsep Taddabur al-Quran*. *Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues In al-Quran and Hadith (THIQAH 2018)* (pp. 153-158). Selangor: ILIM.
- Din. A.1989. *Islam and Tourism: Patterns, Issues and options*. dlm. *Annal of Tourism Research* 16, hlm: 542-563.
- Duman, T. 2011. *Value of Islamic Tourism Offering: Perspectives from the Turkish Experience*, World Islamic Tourism Forum (WITF). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fatimah Kasmuri, N. I. 2018. *Pengetahuan Pelajar Aliran Agama dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Istilah Berkaitan Fiqh dan Usul Fiqh: Satu kajian Awal*. *Journal of Advanced Reseach in Social and Behavioural Science*, 50-65.
- Hamka. 1982. *Tafsir al-Azhar Juzu' 13*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Al-Harmaneh, 2012. *Islamic Tourism: A long Term strategy of Tourist Industries in the Arab World after 9/11/2011*. <http://www.staf.uni-ainz.de/alhamarn/islamic%20Tourism>.
- Haron Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh, & Sidi Ghazalba. 1985. *Manusia dan Islam*. Polis Diraja Malaysia.



- Hassan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Asyraf Zaki. 2010. *Pelancongan dari Perspektif Islam Analisis Pendekatan Fiqh*. Dlm. *Prosiding Hospitaliti dan Pelancongan dalam Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Henderson, J. C. 2010. *Sharia Compliant Hotels*. *Tuorism and Hospitality Reseach*, 246-254.
- <http://www.cambodiamuslimholiday.com>. (t.t). *Melancong Dapat Memberi Hidayah*.
- <https://www.aia.com.my>. 2019. *Kebaikan Melancong Yang Anda Perlu Tahu*.
- Ibn Khaldun. 2004. *Muqaddimah*. Kaherah: Dar al-Fajr.
- Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab* Jil.6 & 9. Beirut.
- Ismail, M. 2014. Konsep Berpikir dalam al-Quran dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Akhlak. *Ta'dib*, 291-312.
- Izzuddin Bin Mohd Noor, M., & Nadirah Binti Mohd Noor, F. 2018. Pengaplikasian Maqasid Syariah Sebagai Parameter Konsep Hotel Patuh Syariah. *Jurnal 'Ulwan 'Ulwan's Journal* Jilid, 1, 99–109.
- Kathir, Ibn. (t.t). *Tafsir Ibn Kathir Jilid 2*. Riyadh: Darussalam.
- Lina Munirah Kamarudin & Hairul Nizam, 2012. Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan Isu. dlm. *Simposium Kepulauan Melayu (SIMPORA)*. 11-12 Dec 2014. Hlm 1-9.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, & Mohd Fuad Sawari. 2008. Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Waqaf. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(2). Diambil dari http://irep.iium.edu.my/28549/1/Maqasid_Waqaf.pdf
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman. 2015. Aplikasi Maqasid Al-Syari'ah Dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Fiqh*, (12), 29–56.
- Mohd Anuar Ramli. t.t Objektif Syariah (Maqasid al-Syariah): Konsep Dan Kedudukannya Sebagai Teori Seismograf Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 1–15.
- Mohd Zaidi Ismail. 2018. *Aqal dalam Islam: Satu Tinjauan Epistemologi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Zaidi Ismail. 2018. *Aqal ilmu & Pendidikan Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: IKIM.



- Mohd. Farid Mohd Shahrar. 2018. Maqasid Syariah: Keperluan zaman dan cabaran semasa. *Utusan Online*. Diambil dari <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/maqasid-syariah-keperluan-zaman-cabaran-semasa-1.741844>
- News, F. 2017. 2018 Tahun untuk Anda Melancong! Kuala Lumpur: <https://www.freemalaysiatoday.com>.
- Nizam, L. M. 2012. Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan Isu. *The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago*. Perak: Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia.
- Noor Rashidah Mohamad Ariffin. 2015. Konsep Hifz Ad-Din Dalam Pengurusan Hotel Patuh Syariah. In *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah* (Vol. 7, pp. 123–456). Diambil dari <http://www.ukm.my/skim>
- Norafifah Ab Hamid. 2018. Kajian Literatur Peranan Akal dan Wanita dalam Al Quran. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018*. Terengganu: UNIZA.
- Nor Azlina Abd Wahab, N. C. 2017. Maqasid Syariah dalam Pelancongan Menurut Islam. In M. T. S Salahudin Suyurno, *Isu-Isu Semasa dalam Fiqh, Komunikasi, dan Dakwah*.
- Noor, M. I. 2018. Pengaplikasian Maqasid Syariah Sebagai Parameter Konsep Hotel. *Jurnal Ulwan*.
- Pasiak, T. 2008. *Revolusi IQ.EQ.SQ*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Wan Muhammad Naif Bin Mohd Nordin. 2017. Siasah Syar'lyyah Sebagai Mekanisma Penjagaan Akal. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2018. Penggunaan Istilah Berfikir Berdasarkan al-Quran. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*. 77-90
- Yusuf al-Qaradawi. 2001. *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.